

Garisi kata sendi nama yang betul dalam setiap ayat di bawah

- 1 Pengetahuan (tentang, terhadap) kenegaraan amat penting dipelajari dan dihayati (oleh, kepada) murid.
- 2 Pemuda-pemuda itu berborak (hingga, sejak) lewat malam sehingga mengganggu ketenteraman jiran (di, pada) sekitar.
- 3 Piala itu (untuk, demi) johan pertandingan perbahasan yang akan dianjurkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Hussein (di, pada) minggu depan.
- 4 Aiman menganggap Mak Salmah (sebagai, seperti) ibunya sendiri selepas kematian ibu kandungnya (pada, di) beberapa tahun yang lalu.
- 5 Rini tidak suka (akan, pada) sikap adiknya yang malas dan suka merajuk apabila permintaannya tidak dipenuhi (oleh, dari) ibu bapa.
- 6 Tidak jauh (dari, daripada) rumahnya terdapat sebuah pondok kecil yang beratapkan rumbia (di, dalam) atas permatang.
- 7 Mak Sopiah segera keluar (dari, daripada) dapur apabila terdengar anaknya menangis (dengan, hingga) kuat.
- 8 Azman asyik melayari Internet (dari, daripada) pagi (hingga, kepada) malam tanpa mempedulikan makan dan minum.
- 9 Persatuan Wanita itu ditubuhkan (untuk, dengan) ibu tunggal (di, ke) negara ini memperjuangkan nasib mereka.
- 10 Salbiah sangat terhutang budi (kepada, pada) jiran yang menolongnya menjaga anak semasa suaminya dirawat (di, ke) hospital.
- 11 Rosmah menceritakan pengalaman yang diperolehnya (dari, daripada) kursus yang disertainya (di, pada) minggu lepas.
- 12 Azura pulang (ke, di) kampung (untuk, dengan) meraikan Hari Raya Aidilfitri.
- 13 "Tolong serahkan borang penyertaan ini (kepada, pada) Cikgu Shamsudin (di, pada) hari Jumaat ini," kata ketua kelas.
- 14 Pengurus dan jurulatih pasukan bola tampar itu sedang berbincang (demi, tentang) perlawanan yang akan berlangsung (pada, daripada) minggu depan.
- 15 Majlis makan malam itu diadakan (untuk, kepada) Kelvin yang berjaya memperoleh segulung ijazah (daripada, dari) University of Oxford.